

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Skor

60

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.


BAHAGIAN A [15 markah]

Soalan 1 - 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kerajaan komited untuk _____ taraf ekonomi rakyat terutamanya penduduk luar bandar.
A menambahkan C meningkatkan
B menyelesaikan D menambahkan

2.



Pekebun itu pengsan sebagai akibat _____ ular berbisa.

- | | |
|-----------|-----------|
| A digigit | C dikatuk |
| B dibelit | D dipagut |

Soalan 3 - 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Beria-ia Chandran *menjelaskan* perkara yang berlaku tadi kepada gurunya.
II Pak Cik Lazim sudah *menjelaskan* semua hutangnya kepada Tuan Bahari.
III Kata-kata Daud tidak begitu *menjelaskan* pada pendengaran ayahnya.

IV "Tidak perlulah kamu berkata apa-apa lagi kerana semuanya sudah *menjelaskan*," kata Nazirah kepada adiknya.

- | |
|--------------------------|
| A I dan II sahaja |
| B III dan IV sahaja |
| C I, II, dan III sahaja |
| D II, III, dan IV sahaja |

4. I Mak Minah *mendukung* beg yang berisi kain di atas kepalanya.
II Pegawai polis itu *mendukung* tangan orang tua itu ketika melintas jalan yang sibuk.
III Ibu *mendukung* adik yang sedang menangis sambil memujuk adik.
IV Ayah *mendukung* hasrat abang untuk menjadi jurutera.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 - 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau **mungkin** juga tidak.

Tandakan sama ada **A, B,** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

5. Biasanya rasa amarah berlaku bila kita tidak berpuas hati terhadap sesuatu perkara.
A dilakukan bila kita
B dilakukan apabila kita

- C berlaku apabila kita
- D berlaku bila kita

6. Doktor mengambil masa dua setengah jam untuk merawat kaki datuk yang tertusuk sebatang paku.
- A dua jam setengah-setengah
 - B dua jam setengah
 - C kedua jam setengah
 - D dua setengah jam

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Semua cucu Tok Jenal terkekek-kekek mendengar cerita jenaka itu.
II Bayi yang comel itu tersengih-sengih apabila diagah oleh Raima.
III Maria terkedek-kedek kerana kakinya luka akibat terpijak kaca.
IV Gadis sunti itu terkulum-kulum malu apabila dipuji oleh Puan Sarimah.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
8. I Setelah seharian menoreh getah, Pak Karim beristirahat di pondok itu.
II Encik Tang dan isterinya suka bergurau dengan anak-anak angkat mereka.
III Para penonton amat kagum sangat dengan persembahan penyanyi veteran itu.
IV Festival Budaya Negeri Sabah itu perasmianya oleh Ketua Menteri.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Jika kita mempraktikkan amalan kitar semula, kita dapat mengurangkan pencemaran air dan udara yang menjejaskan alam sekitar.
- A Kitar semula perlu kita amalkan dengan mempraktikkan pencemaran air dan udara yang menjejaskan alam sekitar.
 - B Air dan udara serta alam sekitar yang tercemar perlu dipraktikkan selaras dengan pengurangan amalan kitar semula.
 - C Pencemaran air dan udara yang menjejaskan alam sekitar dapat dikurangkan jika kita mempraktikkan amalan kitar semula.
 - D Alam sekitar yang terjejas adalah disebabkan oleh amalan kitar semula yang kita praktikkan untuk mengurangkan pencemaran air dan udara.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Encik Sufian dan isterinya mengawal pergaulan anak gadis mereka yang _____ itu dengan baiknya.
- A gebu seperti kapas
 - B halus macam baldi
 - C mahal seperti emas
 - D cantik macam bidadari

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

Maka berkatalah anak yatim piatu itu kepada penduduk kayangan itu, "Jikalau tuan tidak berkeberatan, perkenankanlah saya mengambilnya barang sedikit. Saya hendak menanamnya pula di bawah sana di bumi tempat asal saya."

Kemudian yang empunya padi itu berkata lagi, "Nyahlah kamu dari sini! Kami sekali-kali tidak akan mengizinkan jikalau makanan kami ini hendak dibawa ke bumi. Kamu hanya boleh makan makanan itu di kayangan ini. Jikalau kamu hendak memakannya di sini, maka kami tidak berkeberatan. Akan tetapi jikalau kamu hendak membawanya ke bumi tempat asal kamu, maka kami tidak akan memperkenankannya."

Kemudian orang kayangan itu mengambil nasi dan memberikan nasi itu kepada anak yatim piatu yang baru datang itu supaya penduduk bumi itu dapat merasakan betapa lazatnya dan betapa besar faedahnya makanan yang disangkanya emas itu. Setelah anak yatim piatu itu selesai makan, maka barulah ia percaya betapa lazatnya makanan yang aneh itu. Ia ingin memintanya agar ia dapat membawa pulang dan menanam tanaman yang *ajaib* itu di bumi. Akan tetapi ia yakin bahawa yang empunya pasti tidak akan mengizinkannya. Oleh sebab itu, jikalau ia hendak membawa tanaman yang ajaib itu ke bumi, maka ia harus mencari akal agar ia dapat menyembunyikan tanaman itu di dalam sebuah tempat yang tidak akan diketahui oleh yang empunya. Akan tetapi ia tidak mempunyai tempat untuk membawa tanaman yang ajaib itu tanpa diketahui oleh sesiapa pun juga. Lama ia memikirkan hal itu dan akhirnya ia mendapat suatu akal. Padi itu akan dimasukkannya ke dalam mulutnya.

Dipetik daripada prosa tradisional 'Asal Padi', Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan prosa tradisional 'Asal Padi', perkataan *ajaib* membawa maksud
 - A kecil.
 - B hebat.
 - C aneh.
 - D janggal.
12. Siapakah yang hendak membawa tanaman ajaib itu ke bumi?
 - A Pemiliknya
 - B Penduduk bumi
 - C Orang kayangan
 - D Anak yatim piatu
13. Berikut merupakan perwatakan anak yatim piatu yang terdapat dalam petikan prosa tradisional **kecuali**
 - A berani.
 - B cerdik.
 - C rajin.
 - D berbudi bahasa.
14. Orang kayangan memberi anak yatim piatu makan nasi supaya
 - A anak yatim piatu merasai kelazatan makanan itu.
 - B penduduk bumi menyangka makanan itu sebagai emas.
 - C anak yatim piatu dapat merasai makanan itu sebelum pulang ke bumi.
 - D penduduk bumi dapat datang ke kayangan untuk menanam tanaman itu.
15. Berdasarkan petikan prosa tradisional, pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang keistimewaan padi.
 - A Berwarna keemasan
 - B Banyak faedahnya daripada tanaman lain
 - C Tidak boleh dibawa keluar dari kayangan
 - D Tidak diketahui pihak yang menanamnya